

SOALAN NO.: 355

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah punca utama yang mengakibatkan penurunan harga getah mentah. Apakah jenis-jenis subsidi yang telah diberikan kepada pekebun-pekebun getah untuk meringankan bebanan mereka dan apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat yang telah dan akan diambil untuk menstabilkan harga getah di negara ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi lain adalah tertakluk kepada faktor penawaran dan permintaan global. Kemerosotan harga getah yang dialami buat masa ini berpunca antara lain, kelembapan permintaan ekoran pertumbuhan ekonomi yang kurang memberangsangkan di negara-negara pengimpor utama seperti China, Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah.

Selain itu, pertumbuhan penawaran getah daripada negara-negara pengeluar ekoran pertambahan kawasan baru pada tahun 2005 hingga 2008 menyebabkan terdapat lebihan bekalan berkenaan di pasaran global.

Dari segi membantu para pekebun kecil, Kerajaan menyediakan insentif menanam semula pokok-pokok getah yang tua dengan benih klon getah yang berkualiti tinggi. Langkah ini juga akan dapat mengurangkan penawaran getah asli dalam jangka masa pendek dan meningkatkan produktiviti dalam jangka masa panjang. Bagi maksud ini, Kerajaan menyediakan geran tanam semula getah sebanyak RM9,230 se hektar di Semenanjung, dan di Sabah dan Sarawak masing-masing pada kadar RM14,000 se hektar dan RM13,500 se hektar. Jumlah peruntukan bagi maksud ini untuk tahun 2014 adalah RM206.4 juta dan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM125.7 juta.

Selain itu, Kerajaan sedar kesan kejatuhan harga getah ke atas pendapatan dan kehidupan pekebun kecil. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, pemberian *one-off* sebanyak RM500

telah diberikan kepada pekebun kecil di seluruh negara pada tahun 2013 dan 2014 di bawah program Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah. Ini melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM 127.3 juta pada tahun 2013 dan RM150 juta pada tahun 2014.

Bagi memperkuatkan harga diperingkat ladang, Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan melaksanakan mekanisma penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB SMR 20 dan harga diterima oleh pekebun kecil. Mekanisma ini telah dilaksanakan mulai bulan November. Di bawah mekanisme ini, koperasi pekebun kecil akan digalakkan membeli getah daripada pekebun kecil pada kadar diskaun yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada pengilang. Dengan berbuat demikian rantai pemasaran antara pekebun kecil dan pengilang akan dipendekkan. Dengan itu, harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan.

Sebagai langkah jangka masa panjang, Kerajaan dalam Bajet 2015 telah mengumumkan peruntukan awal dana sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015. Di bawah IPG, insentif sebanyak RM0.30 sen sekilogram akan disediakan sekiranya harga SMR 20 berada di paras RM4.60 atau harga *cuplumps* berada di paras RM1.75 sekilogram dan ke bawah.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) pada suku tahun pertama 2015. Ini bertujuan membincangkan dasar mengimbangi penawaran dan

permintaan di mana negara-negara ANRPC yang menyumbang hampir 93 % pengeluaran getah asli dunia.

Di samping itu, *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) bermesyuarat mulai 17 November hingga 20 November 2014 di Kuala Lumpur. Ahli-ahli ITRC terdiri daripada Malaysia, Indonesia dan Thailand yang secara kolektif menghasilkan hampir 65% pengeluaran dunia. Matlamat mesyuarat ITRC tersebut adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga negara anggota untuk membendung penurunan harga getah. Tindakan susulan oleh ketiga-tiga anggota ITRC bergantung kepada keputusan-keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.